

23 OCT 2002

SRJK CINA GUNA B.INGGERIS MULAI TAHUN 1, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mahu sekolah rendah jenis kebangsaan Cina memulakan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris mulai Tahun 1.

Beliau berkata parti-parti komponen berasaskan Cina Barisan Nasional (BN) diberi tempoh seminggu untuk tampil dengan cara terbaik melaksanakan cadangan itu.

"Kita cuba untuk melaksanakannya mulai Tahun 1, sebab itu mereka (parti-parti komponen berasaskan Cina BN) cuba melakukannya, cuba mencari formula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan seminar antarabangsa mengenai "Dinar Emas dalam Perdagangan Pelbagai Hala", di sini.

Beliau ditanya sama ada tempoh seminggu yang diberikan kepada parti-parti Cina itu untuk memutuskan mengenai "pengubahsuaian" kepada pelaksanaan dasar itu bermakna sekolah-sekolah Cina akan dibenarkan mula melaksanakan dasar Bahasa Inggeris itu mulai Tahun 4.

Dr Mahathir dalam kenyataannya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN semalam berkata BN sepakat bahawa Bahasa Inggeris akan digunakan untuk mengajar Sains dan Matematik di semua sekolah rendah mulai tahun depan, dengan sedikit pengubahsuaian dalam pelaksanaannya bagi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

-- BERNAMA
AFY AZZ NAK